

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.IIA/(22)

8hb. Februari, 1982

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

Semua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Ketua Pejabat Cawangan Jabatan Akauntan Negara.

Tuan,

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 1982**

**KEMUDAHAN POTONGAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN DI SABAH**

**DAN SARAWAK UNTUK MELABUR DALAM SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL**

Berikut kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3/81, Kerajaan sekarang melanjutkan kemudahan potongan gaji bagi membolehkan Kakitangan Bumiputra (KB) Kerajaan di Sabah dan Sarawak melabur dalam Sekim Amanah Saham Nasional (SASN). Berikut adalah aturcara untuk diikuti oleh semua Jabatan Persekutuan bagi menjayakan skim ini.

**Pendaftaran**

Bagi membolehkan seseorang KB melabur menerusi urusan potongan gaji ini, ia hendaklah terlebih dahulu telah mendaftarkan diri sebagai pelabur dalam SASN melalui mana-mana wakil Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

**Kebenaran Memotong Gaji**

KB yang telah mendaftar bolehlah memohon potongan gaji dibuat untuk skim ini dengan mengisi Surat Kebenaran Potongan Gaji dalam empat salinan (contoh disertakan). Borang tersebut hendaklah kemudiannya diserahkan kepada Ketua Jabatan masing-masing yang hendaklah mempastikan bahawa butir-butir dalam borang tersebut adalah betul dan sama dengan butir-butir yang terkandung dalam buku pelaburan KB berkenaan. Keempat-empat salinan hendaklah dikirimkan oleh Ketua Jabatan kepada :

Amanah Saham Nasional Berhad

Tingkat 3, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 2443,

Kuala Lumpur.

4. Tiga salinan akan dikembalikan kepada Ketua Jabatan oleh ASNB setelah disahkan. Salinan ‘Pejabat Pembayar’ hendaklah dikirimkan dengan segera kepada pejabat pembayar salinan ‘Pemohon’ hendaklah diserahkan kepada KB berkenaan dan salinan ‘Jabatan’ disimpan untuk rujukan jabatan.

5. Amaun potongan sebulan hendaklah tidak kurang dari \$10/- dan jika lebih hendaklah dalam gandaan \$1/-. Potongan bulanan ini akan diteruskan sehingga pejabat pembayar diberitahu tentang apa-apa perubahan dengan bertulis.

### **Potongan Gaji**

Pejabat Pembayar yang menyediakan lembaran gaji bagi sesuatu jabatan itu akan membuat potongan SASN berasaskan kepada Surat Kebenaran Potongan Gaji yang telah disahkan oleh ASNB. Cek potongan untuk sesuatu bulan hendaklah dikirim kepada ASNB bersama dengan borang Senarai Potongan Gaji untuk Pembelian Unit Sekim Amanah Saham Nasional (contoh disertakan) yang telah diisi.

7. (i) Perubahan amaun potongan hendaklah disampaikan oleh KB melalui Ketua Jabatan kepada pejabat pembayar dengan bertulis.

(ii) Sekiranya pembayaran gaji KB berkenaan ditukar dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung, maka peraturan seperti yang ditetapkan di bawah Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 3/81 hendaklah dipakai.

### **Menghantar Cek Potongan Kepada ASNB**

8. Tarikh yang akan diambilkira sebagai tarikh pembelian unit melalui kemudahan potongan gaji ini ialah akhir bulan di mana gaji dipotong atau sepuluh hari sebelum tarikh ASNB menerima cek potongan itu yang mana lebih kemudian. Oleh yang demikian, cek potongan bulanan beserta Senarai Potongan Gaji Untuk Pembelian Unit Sekim Amanah Saham Nasional hendaklah dihantar dengan segera supaya diterima oleh ASNB tidak lewat daripada 10 haribulan bulan berikutnya.

### **Rekod Pelaburan dan Pengeluaran Sijil**

ASNB akan memasukkan potongan gaji ke dalam akaun pelabur apabila cek diterima daripada pejabat pembayar. ASNB akan mengeluarkan sijil apabila sahaja jumlah potongan mencapai 100 unit atau gandaan 100 unit. Berkenaan ini, pelabur adalah dinasihatkan merancang supaya jumlah potongan terkumpul adalah dalam gandaan 100 unit sebelum meminta potongan bulanan diberhentikan.

### **Kuatkuasa**

Peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dengan gaji bulan Mac, 1982.

Akauntan Negara Malaysia.

Salinan-salinan dihantar untuk makluman:

Pejabat Ketua Menteri Sabah

Pejabat Ketua Menteri Sarawak

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Setiausaha Kewangan Negeri Sabah

Setiausaha Kewangan Negeri sarawak

Bendahari Negeri Sabah

Akauntan Negeri Sarawak.

Semua Ketua Jabatan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak

Semua Pengurus/Ketua Pengarah Badan Berkanun

Semua Yang Di Pertua Majlis Perbandaran, Daerah dan Tempatan.